

Antonim

Antonim ialah perkataan berlawanan erti

Pilih perkataan **berlawanan erti** dengan perkataan bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini.

- 1 Selepas Tan berpindah tempat duduk, penglihatannya menjadi jelas.
 - A kabur
 - B pudar
 - C terang
 - D senang
- 2 "Kevin sering datang ke rumah saya," kata Muniandy.
 - A jarang-jarang
 - B kadangkala
 - C selalu
 - D kerap
- 3 Persembahan budak itu mendapat pujian daripada orang ramai.
 - A sokongan
 - B galakan
 - C sindiran
 - D cacian
- 4 Orang yang berbaju merah itu gila.
 - A baik
 - B waras
 - C berguna
 - D sempuma



- 5 Barang-barang itu telah diambil oleh tuannya semalam.
- A diserahkan
 - B dirampas
 - C dipinjam
 - D diterima
- 6 Nada suara ayah tegang sahaja ketika memarahi abang.
- A longgar
 - B lembut
 - C kendur
 - D ringan
- 7 Persahabatan mereka memang rapat semenjak kecil .
- A renggang
 - B lama
 - C jauh
 - D baik
- 8 Vellu meluahkan makanan yang sudah basi.
- A menghabiskan
 - B mengunyah
 - C menyimpan
 - D menelan
- 9 Cuaca malam ini panas.
- A hangat
 - B sejuk
 - C suam
 - D merah



- 10 Ceramah yang disampaikananya agak hambar .
- A elok
 - B lucu
 - C tepat
 - D menarik
- 11 Aqila tidak suka menonton filem jenaka.
- A sedih
 - B lasak
 - C ganas
 - D rencana
- 12 Kerja-kerja menurap jalan itu terpaksa ditangguhkan atas arahan pihak berkuasa.
- A diabaikan
 - B diteruskan
 - C ditundakan
 - D diselesaikan
- 13 Budak lelaki yang diculik itu telah dikurung oleh penculiknya.
- A dilepaskan
 - B dipenjara
 - C dibunuh
 - D diperap
- 14 Projek pembinaan rumah pangsa itu terbengkalai sejak setahun yang lalu.
- A tertangguh
 - B separuh
 - C selesa
 - D siap

- 15 Hasil tenunan kain sutera itu sangat halus.
- A kasar
 - B Kesat
 - C keras
 - D ketat
- 16 Hubungan Fiza dengan Arni menjadi renggang selepas peristiwa itu..
- A akrab
 - B baik
 - C putus
 - D mesra
- 17 Saya meluat akan sikapnya yang mengada-ngada.
- A suka
 - B benci
 - C terpesona
 - D menyampah
- 18 Kanak-kanak yang tidak siuman itu berlari-lari di hadapan pusat beli belah.
- A gila
 - B waras
 - C mabuk
 - D terencat
- 19 Anis mempelawa bapa saudaranya yang baru tiba dari Ipoh.
- A mempersilakan
 - B mengundang
 - C menjemput
 - D menghalau

- 20 Sebagai ketua pasukan, Hafiz masih yakin bahawa pasukannya akan menang dalam perlawanan itu.
- A tulus
 - B setuju
 - C sangsi
 - D berharap
- 21 Pisau yang tajam itu diasah oleh datuk.
- A tebal
 - B karat
 - C rosak
 - D tumpul
- 22 Lee Lian berasa amat gembira setelah mendengar keputusan yang diumumkan oleh juruacara.
- A seronok
 - B marah
 - C sedih
 - D ceria
- 23 Kapal terbang itu akan mendarat dua jam lagi.
- A tiba
 - B sampai
 - C berlepas
 - D bergerak
- 24 Rumah mereka berdekatan dengan sekolah.
- A berjauhan
 - B berhampiran
 - C bersebelahan
 - D bertentangan

25 Baju-baju yang basah itu dimasukkan ke dalam baldi oleh Amira.

- A kuat
- B tebal
- C kering
- D lembap


26 Saya tidak suka memakai baju yang tebal.

- A nipis
- B lebat
- C padat
- D sendat

27 Helmi merupakan murid yang paling pandai di dalam kelasnya.

- A bijak
- B bodoh
- C cerdik
- D pintar

Soalan 28 berdasarkan gambar 1



Gambar 1

28 Pilih kata lawan bagi keadaan bunga di atas.

- A mekar
- B kuncup
- C kempis
- D kembung

- 29 Mei Lan gemar akan durian.
- A suka
 - B duka
 - C Benci
 - D sayang
- 30 Rumah saya terletak di belakang pasar raya.
- A kiri
 - B sisi
 - C tepi
 - D hadapan
- 31 Rapi sungguh rambut budak berbaju biru itu.
- A kusut
 - B buruk
 - C hodoh
 - D kemas
- 32 "Pujian itu khusus untuk murid-murid Tahun Enam Mawar," kata guru besar.
- A khas
 - B biasa
 - C umum
 - D tertentu
- 33 Biskut yang baru dibelinya lemau .
- A garing
 - B keras
 - C rapuh
 - D rangup

- 34 Pokok sentul di hujung kampung itu condong.
- A tegak
 - B lurus
 - C senget
 - D tumbang
- 35 Bunga itu layu di bawah terik cahaya matahari.
- A kembang
 - B cantik
 - C mekar
 - D subur
- 36 Pada hari tertentu, semua ibu bapa dipelawa hadir ke sekolah.
- A diajak
 - B ditegah
 - C diherdik
 - D dijemput
- 37 Murid kelas Enam Jaya sungguh biadap.
- A patuh
 - B lemah
 - C sopan
 - D gemalai
- 38 Kapal yang sedang belayar itu milik Syarikat Teguh.
- A mendarat
 - B berlabuh
 - C berhenti
 - D bergerak

- 39 Sejak akhir-akhir ini, perniagaannya mengalami kerugian.
- A kekayaan
 - B kemajuan
 - C kemewahan
 - D keuntungan
- 40 Rumah sementara dibina bagi menempatkan penduduk setingan di Johor.
- A lama
 - B kekal
 - C sekejap
 - D sekarang
- 41 Anak warganegara asing itu berpakaian selekeh.
- A kotor
 - B harum
 - C comot
 - D kemas
- 42 Masalah itu menjadi semakin rumit untuk diselesaikan.
- A sukar
 - B payah
 - C susah
 - D senang
- 43 Siti agak cuak untuk menyaksikan pameran hantu di ekspo itu.
- A kuat
 - B cemas
 - C berani
 - D gementar